
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HGM 342 - GEOGRAFI PERTANIAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Bincangkan tentang sistem pertanian negara dan langkah-langkah yang patut diamalkan agar sektor pertanian terus berkembang maju.

[25 markah]

2. Merujuk kepada Jadual 1, jawab soalan berikut:-

[i] Kira dan nyatakan kombinasi tanaman yang paling sesuai dijalankan dengan menggunakan kaedah chi gandadua.

[20 markah]

[ii] Jelaskan kenapa lebih praktikal dijalankan cara penanaman satu jenis sahaja.

[5 markah]

Jadual 1: Bidang usaha , keluasan tanaman, dan harian-kerja yang diperlukan untuk pengeluaran tanaman bagi tempoh satu musim.

Bidangusaha	Keluasan (hektar)	harian-kerja yang diperlukan	Peratusan
Getah	10	120	15
Padi	4	160	20
Sayuran	2	180	22
Jagung	3	200	25
Limau	5	150	18
Jumlah	24	810	100.0

3. Kebanyakan negara membangun masih terus menghadapi masalah pengeluaran pertanian dan masih kekal dalam kemiskinan. Bincangkan.

[25 markah]

4. Bincangkan kepentingan sektor pertanian kepada Malaysia berdasarkan matlamat-matlamat yang dikemukakan oleh Bowler (1979).
[25 markah]
5. Bincangkan potensi pertanian presisi (precision farming) dan revolusi pengurusan ladang yang boleh memberikan nafas baru kepada pertanian di Malaysia.
[25 markah]
6. [a] Jelaskan konsep berikut:
[i] Ekologi optimum
[ii] Edafik optimum
[10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana konsep ini dapat menerangkan taburan dan hasil tanaman.
[15 markah]
7. Bincangkan perubahan yang berlaku kepada aktiviti pertanian akibat daripada pemodenan aktiviti pertanian.
[25 markah]
8. Jelaskan konsep imbalan air. Bincangkan kepentingan konsep ini kepada aktiviti pertanian.
[25 markah]